

05/06/1997

Asean guna pendekatan hubungan membina

Faizal Fadzil

KEPUTUSAN Menteri Luar Asean menerima Myanmar, negara yang dikatakan mempunyai rekod hak asasi yang buruk, menyertai Asean Julai ini bersama-sama Kemboja dan Laos sudah tentu sedikit sebanyak menyinggung perasaan banyak pihak khususnya Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang banyak bersimpati dengan pejuang prodemokrasi Myanmar pimpinan Aung San Suu Kyi.

Amerika Syarikat melahirkan rasa kecewa atas keputusan Asean itu meskipun mengiktiraf hak negara anggota pertubuhan itu memutuskan hala tujunya.

"Kami kesal kerana Asean nampaknya menjemput Myanmar menyertainya sekarang," luah jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat, Julie Reside.

Kekecewaan itu sebenarnya sudah dirasakan lebih awal sebelum keputusan itu diumumkan oleh Pengerusi Asean ketika ini, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Luar Malaysia, selepas mesyuarat dua jam di ibu negara Sabtu lalu. Dua minggu sebelum ini, Setiausaha Negara Amerika Syarikat dalam satu kenyataan di Senat negaranya menjelaskan: "Kita berusaha dengan gigih untuk memastikan negara Asean mengikut jejak langkah kita (dalam menghadapi isu Myanmar) tetapi mereka seperti tidak berminat."

Dalam mesyuarat Menteri Luar Asean-Kesatuan Eropah (EU) di Singapura Februari lalu, 15 negara Eropah dalam EU juga cuba memujuk Asean mengetepikan Myanmar tetapi pertubuhan itu tetap berkeras untuk melaksanakan pendekatan hubungan membina yang dipelopori dan sedang dilaksanakan ketika ini.

Kenyataan bekas Setiausaha Luar Britain, Michael Rifkind, dalam satu sidang akhbar di mesyuarat itu mempamerkan kekecewaan Eropah.

"Kita telah menyatakan pandangan kita tetapi Asean tetap yakin pendekatan Hubungan Membinanya dapat memperbaiki keadaan di Myanmar. Jadi, mengucapkan selamat berjaya kepada Asean dan menunggu hasilnya nanti," katanya.

Ada juga pihak termasuk media asing yang menganggap tindakan Asean itu bertujuan menunjukkan belangnya kepada Amerika dan Eropah bahawa pertubuhan itu tidak gentar menghadapi tekanan Barat serta enggan tunduk kepada mereka.

Dalam analisis oleh agensi berita asing, AP, penulisnya mengungkapkan pandangan beberapa pemerhati politik bahawa tindakan Asean itu lebih cenderung kepada langkah untuk mempamerkan autonomi rantau ini.

Penulisnya menyebut bahawa pemerhati politik terbabit (tanpa menyebut nama mereka) menganggap tekanan Barat telah menyebabkan pemimpin rantau yang berfikiran bebas seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Bekas Perdana Menteri dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew dan Presiden Suharto dari Indonesia bertindak balas dengan membuat keputusan menerima kemasukan Myanmar bersama dua negara Indochina lain Julai ini, satu tarikh yang mungkin mengejutkan banyak pihak memandangkan desakan antarabangsa yang kuat supaya mengetepikan negara itu.

Penulis itu merujuk kepada kenyataan Menteri Luar Thailand, Surapong Jayanama, Mei lalu menyatakan demi menjaga air mukanya, Asean harus menerima Myanmar.

Walhal, Abdullah dalam sidang akhbarinya itu menyebut Asean tidak berhasrat untuk memberi isyarat kepada sesiapa.

"Ia bukan satu isyarat. Kita tidak memberi isyarat kepada sesiapa," katanya menjawab soalan seorang wartawan asing yang bertanya sama ada

keputusan Asean itu bertujuan untuk memberi isyarat kepada Barat bahawa rantau itu tidak akan tunduk kepada tekanan luar.

Soalnya, sanggupkah pemimpin rantau ini yang sudah lama berusaha mengukuhkan kedudukan Asean, membuat tindakan tergesa-gesa semata-mata marahkan negara luar kerana mahu campur tangan dalam masalah keluarga rantau Asia Tenggara?

Besar manakah cinta Asean terhadap Myanmar sehingga sanggup berkerat rotan dengan Barat yang selama ini banyak membantu membangunkan rantau ini?

Masyarakat Barat seolah-olah tidak percaya dengan pendekatan hubungan membina Asean terhadap Myanmar mampu memperbaiki rekod hak asasi manusia sekali gus mengembalikan semula sistem demokrasi di negara itu.

Soalnya apakah pilihan Barat? Apakah tekanan dan sekatan boleh membantu memperbaiki keadaan hak asasi di Myanmar?

Tekanan antarabangsa tidak mengubah keadaan di Palestin. Israel masih merampas tanah rakyat negara itu. Sekatan juga akan hanya meragut jiwa lebih ramai masyarakat Myanmar seperti yang berlaku di Iraq.

Justeru, Asean sedia mengambil risiko mengetepikan kehendak kuasa besar seperti Amerika Syarikat yang sudahpun melancarkan sekatan ke atas Myanmar bagi menekan negara itu.

Sebagai pertubuhan yang sudah mempunyai rekod untuk memperbaiki keadaan di negara-negara jiran termasuk membantu menyelesaikan masalah pelarian di Vietnam dan perang saudara di Kemboja, Asean sewajarnya diberi peluang oleh kuasa Barat untuk memperbaiki keadaan di Myanmar.

Tidak ada ruginya jika masyarakat antarabangsa mengizinkan Asean membantu mengembalikan demokrasi di Vietnam menerusi pendekatan konstruktif selepas negara itu menjadi masyarakat Asean.

Setiausaha Rendah Kementerian Luar Filipina, Rodolfo Severino, dalam kertas kerjanya di Persidangan Teknologi Pertahanan Asean di Manila bulan lalu menjelaskan, kemasukan Myanmar membolehkan negara anggota Asean mengadakan perbincangan secara senyap dengan pemerintah negara itu dalam usaha melaksanakan reformasi di sana.

"Penyertaan Myanmar ke dalam Asean sewajarnya menjadi titik tolak kepada usaha untuk memperbaiki hak asasi manusia dan mengembalikan semula demokrasi di negara itu," kata bekas pelupor hak asasi manusia di negara itu antara 1992-1996, Yozo Yokota, dalam satu ceramah di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) di ibu negara baru-baru ini.

Bagi Asean yang mengguna pendekatan budaya, keputusan itu wajar dijadikan semangat dan pemangkin meneruskan tanggungjawab memperbaiki keadaan hak asasi di negara itu.

Gagasan itu tidak seharusnya terlalu memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi di negara itu tanpa mempedulikan soal hak asasi manusia selepas beberapa negara penentang seperti Amerika Syarikat dan Jepun mula mengiktiraf kemasukan itu meskipun dengan hati yang berat.

"Meskipun saya menyokong dasar Asean tidak mengasingkan Myanmar, saya akan memerhatikan perkembangan supaya keanggotaannya tidak berbentuk pengampunan kepada pemerintahannya (Yangon)," katanya.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sering melaungkan bantahan terhadap kemasukan itu juga bertanggungjawab untuk memperbaiki keadaan di negara itu.

Tiada gunanya menjadi anjing menyalak bukit, menyusahkan diri di negara sendiri seperti membiarkan diri ditangkap sedangkan masalah sebenar ialah di Myanmar sendiri.

Dengan pendirian tegas Asean itu, kini NGO seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan Burma Group Solidarity Malaysia (BSGM) harus mencari alternatif lain untuk memperbaiki keadaan di Myanmar.

Jika pemimpin Asean akan mendekati pemimpin Myanmar secara senyap-

senyap, Abim dan BSGM mungkin boleh mendekati golongan belia dan NGO lain di Myanmar sebagai matlamat mengembalikan demokrasi di negara itu bagi tempoh jangka panjang.

Laungan dan teriakan membabi buta tidak akan memecahkan benteng kedegilan Myanmar. Perjuangan Hamas dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang menggunakan tindakan lebih keras daripada teriakan lantang itu, masih gagal melenyapkan kedegilan Israel.

Justeru, sokongan terhadap perjuangan pimpinan Asean bagi memperbaiki keadaan di Myanmar serta Laos dan Kemboja sewajarnya disokong semua pihak.

(END)